

TARIKH	27 / 09 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	9	RUANGAN	Dalam Negeri

## Jemaah haji mula tiba di Mekah

MEKAH 26 Sept. - Kumpulan pertama seramai 312 jemaah haji Malaysia selamat tiba di kota suci Mekah dari Madinah awal hari ini.

Mereka tiba kira-kira pukul 1 pagi Rabu (7 pagi waktu Malaysia) di hotel Janadriyyah yang merupakan satu daripada 15 hotel di Mekah yang disewa oleh Tabung Haji bagi menempatkan hampir 28,000 jemaah haji Malaysia sepanjang musim haji kali ini.

Menurut Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman, kumpulan pertama itu bertolak dari Madinah dengan bas pada pukul 5 petang Selasa (11 malam waktu Malaysia) dan selamat tiba di Mekah selepas mengharungi perjalanan selama lapan jam.

Beliau berkata, selepas berehat dan bersarapan pagi, jemaah haji yang berpakaian ihram kemudian berjalan beramai-ramai menuju ke Masjidil Haram yang terletak kira-kira 1 kilometer dari tempat penginapan mereka.

ka dengan diketuai oleh seorang mutawif atau pembimbing serta petugas Tabung Haji bagi melaksanakan ibadah umrah.

Syed Saleh berkata, berbeza daripada tahun sebelumnya, bagasi milik jemaah haji tiba sehari lebih awal di Mekah dan dimasukkan ke dalam bilik jemaah haji seperti yang telah ditetapkan.

"Ini membolehkan para jemaah fokus kepada soal ibadah sebaik sahaja mereka menjelaskan kakinya di kota suci Mekah," katanya kepada wartawan Malaysia di hotel Janadriyyah yang juga dijadikan pusat pentadbiran Tabung Haji ketika musim Haji.

Menurut Syed Saleh, buat masa sekarang keadaan dalam Masjidil Haram masih belum sesak dan jemaah haji Malaysia dapat melaksanakan ibadah umrah seperti tawaf dan saie dengan selesa.

Katanya, ekoran cuaca panas di Mekah yang mencecah hampir 30 derajat celcius, maka jemaah haji diminta supaya tidak terlalu lama terdedah kepada cahaya matahari.

- BERNAMA